

# PERASMIAN MUZIUM KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Tarikh Peristiwa : 25-08-2006

[Cetak](#)

Pada hari ini dalam tahun 2006, Muzium Kastam Diraja Malaysia yang terletak di tepi Sungai Melaka di Bandar Hilir telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam. Muzium tersebut diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM1.75 juta untuk menaik taraf bangunan yang sebelum ini adalah merupakan sebuah gudang. Bandar Melaka telah dipilih sebagai lokasi Muzium ini kerana sejarah kastam mula dikesan secara bertulis ketika era zaman Kesultanan Melayu Melaka. Muzium tersebut dibuka secara percuma kepada orang ramai. Antara barang yang dipamerkan di muzium tersebut ialah buku-buku sejarah, barang rampasan, pakaian seragam kastam, senjata dan pelbagai peralatan lama kastam. Sesungguhnya penubuhan muzium ini telah menambah satu lagi produk pelancongan yang menarik dan akan meningkatkan jumlah pelancong dalam dan luar negara ke negeri Melaka.

**Skrip: Aliza Minai Rajab / Arkib Negara Malaysia**